

TAHAP PENGETAHUAN PELATIH INSTITUT KEMAHIRAN MARA MENGENAI PERSEKITARAN KONDUSIF UNTUK BAKAL USAHAWAN

NORASMAH OTHMAN¹ & MUHARAM GAYA²

Abstrak. Kajian ini meninjau tahap pengetahuan pelatih-pelatih Institut Kemahiran Mara (IKM) mengenai kemudahan persekitaran kondusif untuk bakal usahawan dan hubungannya dengan minat menceburi bidang keusahawanan. Sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar tahun akhir ($n = 103$). Kajian ini menggunakan soal selidik yang diubah suai dari kajian Faridah (2001) dan Badrul Hisham (1995). Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelatih mengenai persekitaran kondusif untuk bakal usahawan adalah sederhana rendah, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan pelatih mengenai persekitaran kondusif berdasarkan jantina, kelulusan akademik dan kursus/seminar yang diikuti, dan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan pelatih mengenai persekitaran kondusif dengan minat menceburi bidang keusahawanan.

Kata kunci: Pengetahuan; kemudahan persekitaran kondusif

Abstract. This study explores Institut Kemahiran Mara (IKM) trainees level of knowledge on conducive surrounding facilities for potential entrepreneurs and its relationship with their interest in entrepreneurship. Samples were taken from final year IKM trainees ($n = 103$). This study used a set of questionnaire adapted from Faridah's (2001) dan Badrul Hisham's (1995) research. Data was analyzed using descriptive and inferential statistics. This research indicates that the IKM trainees' knowledge level on conducive surrounding facilities for potential entrepreneurs is medium low. There is no significant difference on knowledge level of the trainees about conducive surrounding facilities based on gender, academic qualification and courses/seminar that the trainees have attended. There is also no significant relationship between knowledge level on conducive surrounding facilities for potential entrepreneurs with their interest in entrepreneurship.

Keywords: Knowledge; conducive environmental facilities

1.0 PENGENALAN

Berdasarkan kepada kadar pertumbuhan purata tahunan yang lepas, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dijangka akan meningkat daripada RM 115 bilion pada tahun 1990 kepada RM 920 bilion menjelang tahun 2020, iaitu peningkatan

^{1&2} Jabatan Perkaedahan dan Amalan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 45600 Bangi, Selangor, Darul Ehsan
Email: lin@ukm.my

hampir 8 kali ganda. Dalam tempoh yang sama, penduduk Malaysia pula dijangka akan meningkat kira-kira 32 juta orang (Ali, 2003). Perangkaan ini menunjukkan wujud peluang pasaran dan prospek yang besar kepada para usahawan atau bakal usahawan. Oleh itu, usahawan dan bakal usahawan Bumiputera sepatutnya bertindak segera memaju atau menubuhkan perniagaan supaya berdiri sama tinggi dengan kaum lain di negara ini.

Hakikatnya, semenjak Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada tahun 1971 dan berakhir pada tahun 1990, matlamat penguasaan 30% Bumiputera dalam ekonomi Malaysia masih belum tercapai. Oleh itu, kerajaan melalui Dasar Pembangunan Negara (DPN) terus mengekalkan objektif asas DEB, iaitu untuk membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum. Seterusnya memperkukuhkan perpaduan antara kaum di negara ini (INTAN, 1997). Penekanan juga diberi terhadap pertumbuhan ekonomi dengan pengagihan yang saksama, mengurang atau menghapuskan ketidaksamaan sosial serta ekonomi negara. Ia juga menekankan terhadap pengukuhan intergrasi nasional dengan mengurangkan jurang ketidakseimbangan yang luas dalam pembangunan ekonomi antara negeri, kawasan bandar dan luar bandar. Melalui Wawasan 2020 kerajaan akan dapat mencorakkan masyarakat yang demokratik, liberal, penyabar, penyayang dan paling penting semua rakyat dapat memiliki kemakmuran ekonomi secara saksama (Samsudin, 1999).

Justeru, bagi merealisasikan dasar-dasar kerajaan, beberapa agensi kerajaan telah dipertanggungjawabkan untuk melahirkan usahawan yang berpengetahuan terutamanya mengenai kemudahan kondusif yang disediakan. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7), kerajaan telah melaksanakan pelbagai program berpakej bagi meningkatkan pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang berdaya saing, maju dan berpengetahuan. Seramai 2,710 usahawan Bumiputera telah dilahirkan melalui program tersebut seperti Program Pengurusan Pembangunan Vendor, Program Pembangunan Francais, Skim Usahawan Tukar dan Skim Modal Teroka. Melalui program-program tersebut, pengetahuan berkaitan pengurusan berkualiti, kecekapan dan etika perniagaan yang baik telah disebarkan bagi tujuan memudahkan kemasukan usahawan Bumiputera ke dalam industri utama (Malaysia, 2001). Namun, krisis ekonomi pada tahun 1997-1998 telah sedikit sebanyak menjejaskan kemajuan yang dicapai dalam beberapa program pembangunan tersebut.

Dalam RMK8 2001-2005, program MPPB sedia ada terutamanya program berpakej seperti program pembangunan francais dan vendor diperkukuhkan bagi meningkatkan bilangan usahawan Bumiputera. Sejumlah 1,000 pemegang francais baru Bumiputera dan lebih 50 pemberi francais diwujudkan terutamanya dalam bidang perkhidmatan dan peruncitan. Penekanan juga telah diberi kepada pembangunan usahawan Bumiputera dalam perdagangan runcit melalui PROSPER di kawasan bandar atau perumahan baru (Malaysia, 2001).

Kesungguhan kerajaan melahirkan usahawan berpengetahuan bukan sahaja diterjemahkan melalui pelbagai program untuk pembangunan usahawan tetapi juga dibantu dengan peruntukan kewangannya. Sejumlah RM 140.60 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam RMK6 yang merupakan 4.4% dari jumlah untuk pembangunan negara. Pada RMK7, pertambahan ketara peruntukan untuk tujuan yang sama, iaitu RM 546.9 juta telah disediakan (Malaysia, 1996). Peruntukan tersebut telah disalurkan melalui Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), Bank Pembangunan dan Infrastruktur Bhd, Commerce Technology Ventures Sdn. Bhd, bagi menyediakan persekitaran yang kondusif dan pelbagai program sokongan kepada IKS (MITI, 1996).

Kerajaan juga telah menubuhkan Institusi Keusahawanan Negara sebagai pusat untuk menyalurkan pengetahuan mengenai keusahawanan, risikan pasaran, pembangunan kurikulum, rangkaian perniagaan dan kaunseling (Malaysia, 2001). Pada masa yang sama, program latihan bagi memupuk budaya berpengetahuan tentang sokongan keusahawanan dan nilai positif akan diteruskan di kalangan pelajar sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi.

Sehubungan itu, sejak awal lagi Kementerian Pelajaran melalui penggubalan kurikulum pendidikan negara telah mengariskan matlamat yang ingin dicapai untuk menanam minat menceburi bidang keusahawanan dan berpengetahuan terutama berkenaan persekitaran kondusif. Pendidikan di peringkat sekolah menengah jelas bertujuan mengembangkan potensi individu yang mempunyai pengetahuan berkaitan persekitaran kondusif untuk bakal usahawan, di samping melahirkan insan mulia dalam masyarakat (Zaidatol Akmaliah & Habibah, 2000). Menurut mereka mata pelajaran Perniagaan dan Ekonomi Asas telah digubal oleh Kementerian Pendidikan dengan tujuan memberi pengetahuan mengenai persekitaran kondusif yang disediakan oleh kerajaan dan pengetahuan mengenai prinsip asas ekonomi, khususnya dalam konteks negara Malaysia.

Pendedahan awal pengetahuan mengenai kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan kepada bakal usahawan adalah sangat penting kepada seseorang remaja Bumiputera. Di mana pengetahuan tersebut dapat meningkatkan minat dan boleh memberi kesan kepada kejayaan seseorang dalam perniagaannya (Badrul Hisham, 1995). Malahan kajian Michael, Liao Jianwen dan Harold (2004) mendapati bahawa terdapat perkaitan antara kejayaan usahawan IKS dengan pengetahuan mereka tentang maklumat berkaitan perniagaan termasuk kemudahan-kemudahan oleh kerajaan. Justeru itu sesuatu perlu dilakukan terhadap golongan remaja Bumiputera supaya mereka lebih berpengetahuan tentang kemudahan kondusif untuk bakal usahawan dan seterusnya menanam minat terhadap kerjaya usahawan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Pelbagai bantuan atau kemudahan telah disediakan oleh kerajaan untuk bakal usahawan Bumiputera melalui dasar-dasar seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar

Pembangunan Negara, Rancangan Malaysia, Rancangan Jangka Panjang dan sebagainya. Ungku A. Aziz (2003) mendapati cara paling berkesan untuk mencapai matlamat dasar-dasar kerajaan ialah rakyat Malaysia mestilah mempunyai pendidikan dan pengetahuan. Seterusnya menurut beliau, melalui pendidikan dapat mengembangkan pengetahuan dan kemahiran dengan lebih praktikal dan pragmatik. Ini menunjukkan kaum Bumiputera yang berminat menceburi bidang keusahawanan sepatutnya mempunyai pengetahuan yang cukup tentang bantuan-bantuan yang disediakan oleh kerajaan.

Pengetahuan mengenai pembiayaan modal, latihan, bimbingan, pemasaran produk, premis perniagaan dan seumpamanya perlu ada di kalangan individu Bumiputera yang berminat menceburi bidang keusahawanan. Terdapat banyak kemudahan-kemudahan kondusif telah disediakan oleh kerajaan terutamanya dalam program-program pembangunan usahawan yang ditawarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) (KPU, 2001). Pendedahan pengetahuan berkenaan persekitaran kondusif kepada bakal usahawan adalah sangat perlu supaya dapat meningkatkan minat dalam menceburi bidang keusahawanan. Tumpuan utama sepatutnya diberi kepada individu yang telah menjalani latihan kemahiran di pusat-pusat latihan kemahiran seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Giat Mara dan Institut Kemahiran Mara (IKM). Hasrat ini telah disokong dengan peruntukan sejumlah RM 1.62 bilion untuk program latihan kemahiran dan kemudahan di setiap institut terbabit (Belanjawan, 2003).

Justeru, sebagai sebuah institusi kemahiran di bawah pentadbiran Majlis Amanah Rakyat (MARA), IKM sepatutnya menekankan pengetahuan berkenaan kemudahan kondusif kepada pelatihnya supaya mereka berani dan berminat menceburi bidang keusahawanan. Namun begitu sejauh manakah pengetahuan pelatih-pelatih IKM berkenaan persekitaran kondusif dan minat mereka terhadap bidang keusahawanan masih boleh dipersoalkan.

Walaupun kajian-kajian oleh Badrul Hisham (1996), Zaidatul Akmaliah dan Habibah (1997) dan Chet Pitt Chow (2001) telah berjaya mengaitkan tahap pengetahuan dan minat terhadap keusahawanan boleh dicapai melalui pendidikan dan pengalaman tetapi sehingga kini penekanan terhadap pengetahuan mengenai persekitaran kondusif masih kurang diberi tumpuan. Perlu disedari bahawa seseorang yang berminat menjadi seorang usahawan mesti memiliki pengetahuan terutamanya tentang kemudahan kondusif yang disediakan oleh kerajaan kerana melaluinya pelbagai perkara berkenaan perniagaan boleh diperolehi. Ahmad Kamil (2001) berpendapat di antara ciri-ciri seorang usahawan berjaya mestilah mempunyai pengetahuan, kemahiran, minat, sumber kewangan, tenaga, teknologi dan peralatan. Oleh itu memupuk minat menceburi bidang keusahawanan adalah seiring dengan penambahan pengetahuan berkenaan perniagaan terutamanya tentang persekitaran kondusif.

Adalah sesuatu yang merugikan sekiranya segala bentuk kemudahan kondusif oleh kerajaan tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh usahawan Bumiputera. Untuk

itu, antara lain bakal usahawan terutamanya pelatih IKM perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran seterusnya minat menceburi bidang keusahawanan yang sesuai dengan bidang yang mereka pelajari. Pengetahuan dan ilmu dalam bidang keusahawanan terutamanya tentang kemudahan kondusif oleh kerajaan, akan mampu menjana kejayaan seseorang usahawan (Baharudin, Jamaluddin dan Roslan, 2004).

Setakat ini, kebanyakan kajian terutamanya kajian luar negara mengaitkan pengetahuan dan keusahawanan dengan perkembangan perniagaan seperti kajian Audretsh dan Lehman (2004), Acs, Audretsh, Braunerhjelm, dan Carlsson (2005), Thomas (2003) dan sebagainya. Beberapa kajian tempatan pula telah mengaitkan aspek pendidikan dan pengetahuan dengan kejayaan seseorang usahawan. Di antaranya ialah kajian oleh Norhatta (2003), Roslan (2002), Badrul Hisham (1995), Norasmah (2002), Norasmah dan Halimah (2007) dan lain-lain lagi. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelatih IKM mengenai persekitaran kondusif (pembiayaan modal, penyediaan latihan, pemasaran dan infrastruktur) yang ditawarkan oleh kerajaan untuk bakal usahawan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Untuk mencapai tujuan kajian tersebut, objektif kajian seperti di bawah telah dibina:

- (1) Mengetahui tahap pengetahuan pelatih-pelatih IKM mengenai persekitaran kondusif untuk bakal usahawan.
- (2) Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan pelatih-pelatih IKM mengenai persekitaran kondusif untuk bakal usahawan berdasarkan latar belakang kelulusan akademik yang berlainan.
- (3) Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan pelatih-pelatih IKM mengenai persekitaran kondusif untuk bakal usahawan berdasarkan kelulusan akademik, jantina dan kursus/seminar yang diikuti oleh pelatih IKM.
- (4) Mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan pelatih-pelatih IKM mengenai persekitaran kondusif untuk bakal usahawan dengan minat menceburi bidang keusahawanan.

4.0 METODOLOGI

4.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk satu kajian kes yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian untuk memperoleh maklumat. Menurut Mohd Majid (1993), soal selidik adalah cara yang sering digunakan dalam bidang pendidikan. Soal selidik boleh digunakan untuk mendapat maklumat berkenaan faktor-faktor kepercayaan,

perasaan, kehendak dan sebagainya. Malah Jackson (2003) juga menyatakan bahawa kajian kes boleh digunakan untuk mendapatkan penjelasan tentang sesuatu keadaan atau perlakuan seseorang individu yang dikaji.

4.2 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian dalam penyelidikan ini adalah terdiri daripada pelatih-pelatih tahun akhir di sebuah IKM. Jumlah keseluruhan populasi adalah seramai 150 orang dari beberapa bidang kursus kemahiran di IKM yang menamatkan pengajian mereka pada akhir bulan Jun 2006. Pengkaji hanya mengambil lima bidang kursus daripada 10 bidang kursus sebagai sampel kajian. Bidang kursus tersebut adalah kursus kemahiran Teknologi Kejuruteraan Automotif, Teknologi Baik Pulih Badan Kenderaan, Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Penjaga Elektrik), Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Lukisan dan Reka Bentuk dan Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi.

Pemilihan terhadap pelatih-pelatih IKM dari bidang kursus kemahiran tersebut dibuat kerana bidang tersebut mempunyai kecenderungan ke arah keusahawanan. Para pelatih juga telah selesai mengikuti mata pelajaran Keusahawanan yang merupakan mata pelajaran elektif bagi setiap pelatih. Pelatih dari kursus tersebut juga akan menamatkan pengajian mereka di IKM pada bulan Jun 2006 dan seterusnya akan memasuki alam pekerjaan. Oleh itu, salah satu kerjaya yang boleh mereka ceburi ialah bidang keusahawanan.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan persampelan berstrata, iaitu beberapa orang pelatih telah diambil secara rawak sebagai sampel dari setiap bidang kursus kemahiran seperti yang telah dinyatakan. Di antara kelebihan menggunakan persampelan berstrata ialah perwakilan yang menyeluruh dari semua bidang kursus kemahiran tersebut.

Menurut Gay (1992), sampel kajian minimum 10% adalah sesuai untuk kajian berbentuk deskriptif. Bagaimanapun pengkaji telah menggunakan jadual oleh Krejcie dan Morgan (1970) untuk menentukan jumlah saiz sampel. Berdasarkan jadual tersebut, sekiranya populasi seramai 150 orang, saiz sampel yang dicadangkan adalah seramai 103 orang. Jadual penentuan saiz sampel ini telah dibina berdasarkan cadangan oleh bahagian penyelidikan *National Education Association* untuk menentukan saiz sampel sesuatu kajian penyelidikan.

4.3 Latar Belakang dan Lokasi Kajian

Pada awal penubuhan, Institut Kemahiran Mara (IKM) telah dikenali sebagai Sekolah Latehan Kemahiran Mara dan terletak di Jalan Hang Tuah, Bandar Melaka, Melaka. Ia merupakan Sekolah Latehan Kemahiran Mara yang pertama di Malaysia dan telah dirasmikan pada bulan Oktober 1968 oleh Y.A.B Tun Haji Abdul Razak bin Dato Husein, Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Bermula dari Melaka, IKM terus

berkembang ke negeri-negeri lain di Malaysia dengan 14 buah IKM keseluruhannya. Sesuai dengan pengiktirafan yang diberi, Sekolah Latihan Kemahiran Mara telah ditukarkan nama kepada Institut Kemahiran Mara dengan singkatan IKM.

Sehingga kini, IKM mempunyai 10 jurusan kemahiran, iaitu Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Lukisan & R/bentuk), Teknologi Kejuruteraan Automobil (Jentera Berat), Teknologi Kejuruteraan Automobil, Teknologi Baik Pulih Badan Kenderaan, Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Domestik & Industri), Teknologi Kimpalan & Fabrikasi, Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan), Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Penyelenggaraan Mesin), Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Penjaga Jentera) dan Teknologi Mekanikal (Automotif).

Pada awal penubuhan IKM, pemilihan pelatih untuk mengikuti kursus kemahiran yang ditawarkan terbuka kepada belia bumiputera yang memiliki kelulusan akedamik Sijil Rendah Pelajaran (SRP) sahaja. Tetapi kini, kebanyakan kursus telah mengambil pelatih yang mempunyai kelulusan akedamik SPM, STPM atau yang setaraf dengannya.

Pengkaji memilih IKM ini sebagai lokasi kajian kerana institusi ini merupakan satu-satunya IKM yang terdapat di negeri Melaka dan yang pertama ditubuhkan di Malaysia. Di samping itu pusat kemahiran ini dipilih kerana mempunyai 100 peratus pelatih bumiputera seperti mana kehendak dan tujuan kajian dibuat.

4.4 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik dan ia telah diadaptasi dari kajian Faridah (2001) dan Badrul Hisham (1995). Soal selidik ini mengandungi 2 bahagian, iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A mengandungi pemboleh ubah-pemboleh ubah tidak bersandar, iaitu butir-butir tentang maklumat diri seperti jantina, umur, pendidikan, jenis dan kandungan kursus/seminar keusahawanan yang pernah diikuti serta minat bidang keusahawanan. Bahagian B pula mewakili pemboleh ubah bersandar yang mengandungi item-item tahap pengetahuan mengenai persekitaran kondusif, iaitu tentang pembiayaan modal, latihan bimbingan, pemasaran dan infrastruktur. Item-item di Bahagian B dibahagi kepada empat bahagian berdasarkan empat persekitaran kondusif yang ingin dikaji. Pelatih-pelatih IKM dalam kajian ini diminta menandakan persetujuan mereka dalam soal selidik tersebut. Pembahagian item tahap pengetahuan ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Pembahagian item soal selidik

| Nombor Item | Jenis Item |
|-------------|--|
| 1 – 10 | Pengetahuan berkenaan pembiayaan modal |
| 11 – 18 | Pengetahuan berkenaan latihan |
| 19 – 28 | Pengetahuan berkenaan pemasaran |
| 29 – 38 | Pengetahuan berkenaan infrastruktur |

Soal selidik yang diberi menggunakan skala Likert berpandukan kepada lima kategori pemeringkatan sama ada responden berpendapat tidak berpengetahuan, berpengetahuan sedikit sahaja, berpengetahuan sederhana, berpengetahuan dan sangat berpengetahuan. Dalam hal ini skor pemarkahan 1, 2, 3, 4 dan 5 diberikan kepada pelatih bagi setiap item yang membawa maksud seperti berikut: 1 = Tidak Berpengetahuan (TB) hingga 5 = Sangat Berpengetahuan (SB). Seterusnya, skor markah soal selidik untuk semua item dijumlahkan dan akan dijadikan sebagai skor tahap pengetahuan berkenaan persekitaran kondusif bagi pelatih-pelatih IKM.

Untuk memastikan bahawa instrumen tersebut sah dan boleh digunakan, maka kajian rintis telah dijalankan. Data yang diperolehi daripada kajian rintis tersebut telah diuji kebolehpercayaannya dengan menggunakan ujian Cronbach Alpha. Hasil yang diperolehi menunjukkan instrumen tersebut adalah baik dan boleh digunakan untuk kajian apabila Alpha keseluruhan yang diperolehi adalah 0.94, begitu juga jika dirujuk kepada Alpha bagi setiap dimensi. Nilai Alpha bagi pengetahuan berkenaan pembiayaan modal ialah 0.90, pengetahuan latihan ialah 0.94, pengetahuan pemasaran 0.78 dan pengetahuan infrastruktur ialah 0.89. Kesemua nilai Alpha ini melebihi 0.60 seperti yang dicadangkan oleh Mohd Majid (1993).

Bagi mengukur tahap pengetahuan pelatih ini, jadual interpretasi skor min telah digunakan sebagai panduan. Jadual 2 menunjukkan tahap pengetahuan pelatih-pelatih IKM mengenai persekitaran kondusif (pembiayaan modal, latihan, pemasaran dan infrastruktur) untuk bakal usahawan.

Jadual 2 Jadual interpretasi skor min

| Skor min | Tahap pengetahuan persekitaran kondusif |
|------------------|--|
| 1.00 hingga 2.00 | Rendah |
| 2.01 hingga 3.00 | Sederhana Rendah |
| 3.01 hingga 4.00 | Sederhana Tinggi |
| 4.01 hingga 5.00 | Sederhana Tinggi |

Sumber: Nunnally (1978)

Jadual 3 Interpretasi kadar kekuatan hubungan antara tahap pengetahuan persekitaran kondusif dengan minat

| Pekali korelasi | Kekuatan hubungan |
|------------------------|--------------------------|
| 0.00 – 0.09 | Boleh diabaikan |
| 0.10 – 0.29 | Rendah |
| 0.30 – 0.49 | Sederhana |
| 0.50 – 0.69 | Kukuh |
| 0.70 – 0.99 | Sangat tinggi |
| 1.00 | Sempurna |

Sumber: Davies dalam Norasmah Othman (2002)

Jadual 3 pula telah digunakan sebagai panduan bagi mengenal pasti kekuatan hubungan antara tahap pengetahuan pelatih mengenai persekitaran kondusif. Dalam kajian ini, statistik inferensi korelasi non parametrik telah digunakan kerana data yang diperoleh adalah berbentuk ordinal dan tersusun (Sulaiman 1996).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Profil Responden

Jadual 4 menunjukkan profil pelatih-pelatih IKM mengikut jantina, umur dan kelulusan akademik. Kajian ini melibatkan seramai 103 orang pelatih IKM yang terdiri daripada 84 orang (81.6%) pelatih lelaki dan 19 orang (18.4%) pelatih perempuan. Seramai 56 (54.4%) pelatih berumur kurang daripada 20 tahun dan selebihnya (47 orang/45.6%) berumur dalam lingkungan 21 hingga 25 tahun. Data juga menunjukkan, sebilangan besar pelatih IKM mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (86 orang/83.5%) dan selebihnya sejumlah 17 orang/16.5%) memiliki kelayakan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia atau Sijil Tinggi Pelajaran.

Jadual 4 Jantina, umur dan kelulusan akademik responden

| Pemboleh ubah | | Frekuensi | % |
|----------------------|---------------------------|------------------|----------|
| Jantina | Lelaki | 84 | 81.6 |
| | Perempuan | 19 | 18.4 |
| Umur | Kurang daripada 20 tahun | 56 | 54.4 |
| | Antara 21 hingga 25 tahun | 47 | 45.6 |
| Kelulusan akademik | SPM / MCE | 86 | 83.5 |
| | STPM/ STP | 17 | 16.5 |

Jadual 5 pula menunjukkan jenis-jenis kursus keusahawanan yang pernah diikuti pelatih; minat dan pilihan kerjaya mereka selepas tamat pengajian. Data Jadual 5 memaparkan bahawa seramai 30 orang pernah mengikuti Kursus Usahawan Muda, 10 orang Kursus Koperasi, 9 orang Kursus Pengurusan Kewangan, 2 orang mengikuti lain-lain kursus keusahawanan dan selebihnya seramai 52 orang tidak pernah mengikuti sebarang kursus keusahawanan.

Jadual juga menunjukkan bahawa seramai 67 orang mengatakan berminat untuk menjadi usahawan, 13 orang tidak pasti terhadap minat menjadi usahawan dan seramai 23 orang atau 22.3% tidak minat menjadi usahawan.

Sementara dari segi pilihan kerjaya selepas tamat pengajian, data menunjukkan 21 orang pelatih memilih untuk bekerja dengan kerajaan setelah tamat pengajian, manakala seramai 37 orang memilih untuk bekerja dengan syarikat swasta, 23 orang

Jadual 5 Kursus keusahawanan yang pernah diikuti, minat dan pilihan kerjaya pelatih

| Pemboleh ubah | | Frekuensi | % |
|---|-----------------------|------------------|----------|
| Jenis Kursus | Kursus Usahawan Muda | 30 | 29.1 |
| | Kursus Koperasi | 10 | 9.7 |
| | Pengurusan Kewangan | 9 | 8.7 |
| | Lain-lain | 2 | 1.9 |
| | Tiada | 52 | 50.5 |
| Minat untuk menjadi Usahawan | Ya | 67 | 65.0 |
| | Tidak pasti | 13 | 12.6 |
| | Tidak minat | 23 | 22.3 |
| Pilihan Kerjaya selepas tamat Pengajian | Kerajaan | 21 | 20.4 |
| | Bekerja dengan swasta | 37 | 35.9 |
| | Berniaga sendiri | 23 | 22.3 |
| | Menjadi usahawan | 22 | 21.4 |

ingin berniaga sendiri dan selebihnya 22 orang memilih ingin menjadi seorang usahawan.

5.2 Tahap Pengetahuan Pelatih IKM Mengenai Persekitaran Kondusif untuk Bakal Usahawan

Sepertimana yang telah dimaklumkan terlebih dahulu, persekitaran kondusif yang dikaji ialah mengenai pembiayaan modal, latihan, pemasaran dan infrastruktur. Hasil analisis data-data yang diperolehi menunjukkan bahawa secara puratanya tahap pengetahuan pelatih IKM mengenai persekitaran kondusif untuk bakal usahawan adalah di tahap sederhana rendah, iaitu antara min 2.25 hingga 2.51. Maklumat secara terperinci boleh dirujuk pada Jadual 6. Secara amnya, apa yang boleh diperolehi daripada data ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelatih-pelatih IKM mengenai persekitaran kondusif masih perlu ditingkatkan. Pengetahuan mereka mengenai latihan dan bimbingan keusahawanan yang ditawarkan oleh kerajaan atau agensi-agensinya kerajaan masih kurang. Ini menyukarkan keadaan semasa di mana penglibatan pelatih-pelatih IKM dalam bidang keusahawanan amat rendah.

Jadual 6 Pengetahuan mengenai persekitaran kondusif untuk bakal usahawan

| Pengetahuan | Min | S. P | Tahap pengetahuan |
|--------------------|------------|-------------|--------------------------|
| Pembiayaan modal | 2.51 | 0.62 | Sangat rendah |
| Latihan | 2.25 | 20.57 | Sangat rendah |
| Pemasaran | 2.27 | 0.72 | Sangat rendah |
| Infrastruktur | 2.37 | 0.69 | Sangat rendah |

Hasil daripada pengetahuan yang rendah mengenai persekitaran kondusif untuk bakal usahawan, maka bilangan graduan IKM yang menyertai keusahawanan adalah rendah. Malah jika mereka menyertai sekalipun bidang keusahawanan, daya tahan mereka amat rendah kerana tidak mendapat kemahiran dalam pengurusan penyediaan perniagaan dengan baik. Pengetahuan tentang kemahiran dalam pengurusan perniagaan ini penting kerana ia berupaya mengurangkan kebarangkalian seseorang gagal dalam perniagaannya (Rosli, 2000, Norasmah *et al.* 2006).

Sehubungan itu, tahap pengetahuan pelatih IKM mengenai pengetahuan pelatih IKM mengenai pemasaran, infrastruktur dan pembiayaan modal perlu ditingkatkan. Ini adalah kerana untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya, tidak cukup dengan hanya mempunyai kesediaan fizikal sahaja tetapi juga perlu ada pengetahuan mengenai pembiayaan modal, pemasaran, penyediaan latihan dan juga infrastruktur. Audretsh dan Lehman (2004) mendapati perniagaan yang berlandaskan pengalaman serta pengetahuan seseorang adalah lebih berkesan daripada mereka yang tiada pengalaman dan pengetahuan.

5.3 Perbezaan Pengetahuan Mengenai Persekitaran Kondusif untuk Bakal Usahawan Berdasarkan Kelulusan Akademik, Jantina dan Kursus/Seminar yang Dihadiri oleh Pelatih IKM

Jadual 7 memaparkan maklumat mengenai perbezaan pengetahuan persekitaran kondusif untuk bakal usahawan berdasarkan kelulusan akademik pelatih IKM. Hasil data menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara pelatih yang berkelulusan SPM/MCE dengan STPM/STP dari semua aspek aspek persekitaran

Jadual 7 Ujian-t bagi perbezaan pengetahuan persekitaran kondusif untuk bakal usahawan berdasarkan kelulusan akademik

| Pemboleh ubah | n | Min | S. P | t | p |
|-------------------------|----------|------------|-------------|----------|----------|
| <u>Pembiayaan Modal</u> | | | | | |
| SPM/ MCE | 86 | 2.53 | 0.62 | 0.82 | 0.41 |
| STPM/ STP | 17 | 2.39 | 0.64 | | |
| <u>Latihan</u> | | | | | |
| SPM/ MCE | 86 | 2.29 | 0.68 | 1.57 | 0.13 |
| STPM/ STP | 17 | 2.01 | 0.76 | | |
| <u>Pemasaran</u> | | | | | |
| SPM/ MCE | 86 | 2.31 | 0.70 | 1.35 | 0.18 |
| STPM/ STP | 17 | 2.05 | 0.82 | | |
| <u>Infrastruktur</u> | | | | | |
| SPM/ MCE | 86 | 2.40 | 0.68 | 1.19 | 0.24 |
| STPM/ STP | 17 | 2.18 | 0.80 | | |

Signifikan $p < .05$

kondusif (pembiayaan modal, latihan, pemasaran dan infratrstruktur). Ini jelas apabila tiada satupun ujian-t yang terdapat dalam jadual mempunyai nilai $p < .05$, bermakna tahap pengetahuan pelatih IKM berkelulusan SPM dan STPM mengenai persekitaran kondusif untuk bakal usahawan adalah sama atau hampir sama dengan pelatih yang berkelulusan STPM/STP.

Dapatan ini berbeza dengan penemuan kajian Chet Pitt Chow (2001) dan Zaleha (2004) apabila Chet menegaskan melalui dapatan kajiannya bahawa terdapat hubungan antara taraf pendidikan seseorang dengan pengetahuan berkaitan persekitaran kondusif oleh kerajaan. Begitu juga dengan Zaleha apabila beliau juga mengatakan bahawa latar belakang pendidikan memainkan peranan penting terhadap pengetahuan persekitaran perniagaan terutama yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Sementara Jadual 8 pula memaparkan hasil dapatan mengenai perbezaan pengetahuan kondusif untuk bakal usahawan berdasarkan jantina pelatih IKM. Data menunjukkan bahawa pelatih IKM lelaki dan pelatih IKM perempuan mempunyai tahap pengetahuan yang sama atau hampir sama apabila ujian-t yang dipaparkan bagi setiap pengetahuan adalah tidak signifikan. Dapatan ini disokong dengan dapatan Norasmah *et al.* (2006) apabila dapatan beliau juga menunjukkan bahawa tahap kognitif remaja lelaki dan remaja perempuan Malaysia adalah tidak berbeza.

Jadual 8 Ujian-t bagi perbezaan pengetahuan persekitaran kondusif untuk bakal usahawan berdasarkan jantina pelatih IKM

| Pemboleh ubah | n | Min | S. P | t | p |
|-------------------------|----------|------------|-------------|----------|----------|
| <u>Pembiayaan Modal</u> | | | | | |
| Lelaki | 84 | 2.57 | 0.64 | 0.182 | 0.86 |
| Perempuan | 19 | 2.48 | 0.56 | | |
| <u>Latihan</u> | | | | | |
| Lelaki | 84 | 2.28 | 0.73 | 0.99 | 0.33 |
| Perempuan | 19 | 2.10 | 0.54 | | |
| <u>Pemasaran</u> | | | | | |
| Lelaki | 84 | 2.29 | 0.73 | 0.74 | 0.46 |
| Perempuan | 19 | 2.15 | 0.68 | | |
| <u>Infrastruktur</u> | | | | | |
| Lelaki | 84 | 2.40 | 0.70 | 1.16 | 0.25 |
| Perempuan | 19 | 2.20 | 0.68 | | |

Signifikan $p < .05$

Jadual 9 menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan pelatih IKM mengenai persekitaran kondusif untuk bakal usahawan berdasarkan jenis kursus/seminar keusahawanan yang dihadiri. Ini terbukti apabila nilai $f(4, 98) = 1.40$, $p < .05$. Hasil kajian ini menggambarkan bahawa kursus-kursus yang dihadiri oleh pelatih mempunyai objektif atau isi kandungan kursus yang hampir

Jadual 9 Ujian ANOVA sehalu bagi perbezaan tahap pengetahuan pelatih IKM mengenai persekitaran kondusif untuk bakal usahawan berdasarkan jenis kursus/seminar keusahawanan yang diikuti

| Variasi | JKD | df | min | f | p |
|-----------------|-------|-----|------|------|------|
| Antara kumpulan | 2.14 | 4 | 0.54 | 1.40 | 0.24 |
| Dalam kumpulan | 37.41 | 98 | 0.88 | | |
| Jumlah | 39.55 | 102 | | | |

Signifikan $P < .05$

sama. Akibatnya pengetahuan pelatih-pelatih yang menghadiri kursus usahawan muda, koperasi, pengurusan kewangan ataupun kursus-kursus lain yang berkaitan dengan bidang keusahawanan adalah sama ataupun hampir sama. Kesemua kursusnya mempunyai impak atau kepentingan yang sama. Menurut Zaidatol Akmaliah dan Habibah (2000), pengetahuan mengenai perniagaan boleh diperolehi melalui mana-mana program/kursus/seminar yang berkaitan dengan keusahawanan. Terdahulu Miller (1983) juga pernah menekankan akan kepentingan menghadiri kursus atau seminar yang berkaitan dengan keusahawanan bagi tujuan meningkatkan ilmu pengetahuan seseorang. Bagi beliau setiap kursus/seminar berupaya mengayakan pengetahuan seseorang berkaitan perniagaan.

Jadual 10 menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan pelatih mengenai persekitaran kondusif untuk bakal usahawan dengan minat mereka untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya. Ini bermakna bahawa walaupun pengetahuan mereka mengenai persekitaran kondusif rendah namun ini tidak menghalang mereka dari menceburi bidang keusahawanan.

Memang benar banyak kajian mengatakan bahawa pengetahuan mengenai sesuatu bidang perlu jika seseorang ingin menceburi bidang tersebut tetapi ia tidak boleh dianggap sebagai penghalang untuk menceburi bidang tersebut. Ini jelas seperti yang dinyatakan oleh Mohd Asri (1999), sebahagian besar pengusaha dan pekerja dalam IKS mempunyai taraf pendidikan (pengetahuan) yang rendah, namun jika mereka terus berusaha dan berikhtiar untuk memperoleh pengetahuan melalui pengalaman, kebarangkalian mereka untuk berjaya adalah besar walaupun corak tindakan berbeza dengan yang berpengetahuan. Malah Miller (1983) dalam model

Jadual 10 Hubungan antara tahap pengetahuan pelatih IKM mengenai persekitaran kondusif untuk bakal usahawan dengan minat

| Pemboleh ubah | r | n | Hubungan |
|------------------|--------|-----|----------|
| Pembiayaan modal | -0.188 | 103 | 0.057 |
| Latihan | -0.066 | 103 | 0.056 |
| Pemasaran | -0.121 | 103 | 0.224 |
| Infrastruktur | -0.147 | 103 | 0.131 |

pendidikan keusahawanannya ada menunjukkan bahawa bidang keusahawanan adalah seperti belajar sepanjang hayat. Setiap pengalaman tersebut adalah seperti satu pendidikan bagi seseorang.

6.0 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelatih IKM mengenai persekitaran kondusif untuk bakal usahawan adalah sederhana rendah. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan pelatih IKM mengenai persekitaran kondusif berdasarkan kepada kelulusan akademik, jantina mahupun kursus yang dihadiri mereka. Malah hubungan antara tahap pengetahuan mereka dengan minat untuk menceburi bidang keusahawanan juga didapati rendah, iaitu tiada hubungan kuat yang signifikan. Oleh itu, bagi meningkatkan pengetahuan mereka tentang persekitaran kondusif, adalah dicadangkan agar diwujudkan pendedahan khas mengenainya di dalam mata pelajaran keusahawanan di IKM. Dengan cara ini kemungkinan besar usaha memupuk, membudayakan keusahawanan serta melahirkan ramai bilangan usahawan dari IKM akan berjaya diperoleh.

RUJUKAN

- Acs, Z. J., D. B. Audretsh, P. Braunerhjelm & B. Carlsson. 2005. The Knowledge Spillover: Theory of Entrepreneurship. Discussion Papers on Entrepreneurship. Discussion Papers on Entrepreneurship. Max Planck Institute of Economics Group for Entrepreneurship, Growth and Public. ftp://papers.mpiew-jena.mpg.de/egp/discussion_papers/2005-27.pdf (9 Jan 2006).
- Ahmad Kamil Mohamed. 2001. Kemelut dan Realiti Usahawan Melayu. *Utusan Malaysia*, 19 Mac.
- Ali Abul Hassan Sulaiman. 2003. *Wawasan 2020 Malaysia Memahami Konsep, Implikasi dan Cabaran*. Susn. semula Ahmad Sarji. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Audretsh, D. B. & E. E. Lehman. 2004. The Effects of Experience, Ownership, and Knowledge on IPO Survival: Empirical Evidence from Germany. Discussion Papers on Entrepreneurship. Max Planck Institute of Economics Group for Entrepreneurship, Growth and Public. ftp://papers.mpiew-jena.mpg.de/egp/discussion_papers/2004-20.pdf (9 Jan 2006).
- Badrul Hisham Hj Alang. 1995. Pengaruh Pendidikan Formal dan Non Formal Terhadap Prestasi Usahawan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baharudin Ismail, Jamaluddin Che Sab & Roslan Ab. Rahim. 2004. Business Opportunities: Identification, Evaluation and Selection. Dlm. UiTM Entrepreneurship Study Group (pnyt.). *Fundamentals of Entrepreneurship*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall. 29-44.
- Chet Pitt Chow. 2001. Ciri-ciri Keusahawanan di Kalangan Pelajar Sek. Men. di Wilayah Persekutuan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faridah Husin. 2001. Pembudayaan Keusahawanan di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Kajian Kes Peserta Program Usahawan Muda (PUM). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gay, L. R. 1992. *Education Research: Competencies for Analysis and Application*. Edisi Keempat. New York: Macmillan Publishing.
- INTAN. 1997. *Dasar-dasar Pembangunan Negara*. Ed. Ke-2. Cetakan Ketiga. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Jackson, L. 2003. *Research Methods and Statistics. A Critical Thinking Approach*. United State America: Thomson/Wadsworth Learning.
- Kementerian Pembangunan Usahawan. 2002. *Laporan Tahunan 2002 Kementerian Pembangunan Usahawan*. Kuala Lumpur. Percetakan Negara.

- Krejeie, R. V. & D. W. Morgan. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30: 607-610.
- Malaysia. 1996. *Rancangan Malaysia Ke Tujuh (RMK-7) 1996-2000*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Malaysia. 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Malaysia. 2003. *Belanjawan Negara*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Michael, S., Liao Jianwen & W. Harold. 2004. Organizational Culture and Patterns of Information Processing: The Case of Small and Medium Sized Enterprises. *Journal of Developmental Entrepreneurship*.
- Miller, M. D. 1983. A Model for Life Long Entrepreneurship Education. Working Paper: The National center for research in Vocational Education. Columbus, Ohio. (21-22 Sept).
- MITI. 1996. *Second Industrial Master Plan 1996-2005: Executive Summary*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Mohd Asri Hj. Abdullah. 1999. *Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Mohd Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rosli Mohamad. 2000. *Industri Kecil dan Sederhana*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Norasmah Othman & Halimah Harun. 2007. *Keusahawanan Remaja Malaysia*. Serdang: Pertanika UPM.
- Norasmah Othman, Faridah Karim, Halimah Harun, Zaodatul Akmaliah Lope Pihie dan Nor Aishah Buang. 2006. Pembentukan Indeks Tingkah Laku Keusahawanan Golongan Remaja Malaysia. Projek IRPA 07-02-02-0036 EA279. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norasmah Othman. 2002. Keberkesanan Program Usahawan Muda di Sekolah Menengah. Tesis Ph.D Universiti Putra Malaysia.
- Norhatta Mohd. 2003. Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Dalam Perniagaan dan Keusahawanan di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah di Sekitar Lembah Kelang. Tesis Ph.D: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nunnally, J. C. 1978. *Psychometric Theory*. New York: Mc Graw-Hill.
- Roslan Hussin. 2002. Kecenderungan Keusahawanan di Kalangan Pelajar-pelajar Sek. Men. Agama Rakyat di Negeri Perak. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samsudin Hitam. 1999. *Pencapaian Bumiputera dalam Bidang Ekonomi*. Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat: Cabaran Milenium Baru. Kuala Lumpur.
- Sulaiman Ngah Razali. 1996. *Analisis Data dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thomas, C. C. 2003. The Knowledge Entrepreneur. <http://www.knowledge.com.uk/>. 9 Jan 2006.
- Ungku A. Azizi. 2003. *Wawasan 2020 Malaysia: Memahami Konsep, Implikasi dan Cabaran*. Susn. Semula Ahmad Sarji. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Zaidatul Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elias. 1997. *Keusahawanan dan Motivasi Diri*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zaleha A. Rashid. 2004. Pengurusan Perniagaan di Kalangan Peniaga-peniaga Kecil Bumiputera di Tanah Rancangan Felda. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.